

## Terengganu catat peningkatan kes penipuan transaksi

MOHD. AZLI ADLAN

26 Jun 2019 4:26 PM



Gambar hiasan

**KUALA TERENGGANU** - Kes penipuan melibatkan transaksi atas talian semakin meningkat di Terengganu berikutan penerimaan 151 aduan oleh pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri sejak awal tahun ini.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Shaharudin Mohd. Kia berkata, aduan berhubung penipuan transaksi atas talian itu merangkumi 51 peratus daripada keseluruhan kes yang diterima daripada pengguna seluruh negeri ini sepanjang tempoh sama.

"Sebanyak 151 daripada 292 aduan yang diterima daripada pengguna di negeri ini sejak awal tahun ini melibatkan dakwaan transaksi atas talian.

"Ia menunjukkan trend peningkatan setiap tahun iaitu masing-masing 156 dan 217 aduan pada tahun 2017 dan 218," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri peringkat KPDNHEP Terengganu di sini hari ini.

Shaharudin berkata, berdasarkan siasatan pihaknya, kebanyakan pengguna terbabit menjadi mangsa penipuan selepas terpedaya dengan teknik pengiklanan yang mengelirukan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati dalam melalukan transaksi atas talian dengan melakukan perbandingan harga, menyemak maklumat perniagaan dan testimoni pembeli terdahulu serta memilih urusniaga di platform urusniaga yang dipercayai. - K! ONLINE